

Jika tidak kerna salah  
Tidak hamba menyusun jari  
Jika bukan kerana sekolah  
Tidak di sini hamba berdiri.

Yang Dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berusaha Tuan Guru Besar, Guru-guru, guru-penolong kanan, Barisan hakim yang adil lagi bijaksana, guru – guru dan rakan sekalian. Selamat sejahtera saya ucapkan. Berdirinya saya pada pagi ini adalah untuk menyampaikan pidato yang bertajuk "Sekolahku Rumahku"

Hadirin yang dihormati

Sebelum saya meneruskan pidato saya, eloklah kita mengetahui serba sedikit mengenai sekolah dan rumah. Menurut kamus Dewan sekolah bermaksud tempat untuk belajar dan mengajar manakala rumah adalah suatu binaan untuk tempat tinggal. Di dalam seharian kehidupan kita sebagai pelajar, kita telah mengambil masa lebih lima jam berada di sekolah tidak termasuk mengikuti kegiatan ko kurikulum .

Sekolah boleh diibaratkan rumah kedua kita yang telah dilengkapi pelbagai kemudahan dan prasarana. Antara prasarana yang disediakan adalah kantin, bilik darjah, bilik khas, pejabat, padang permainan dan lain – lain. Semua infrastruktur ini dibina bertujuan untuk kemudahan para pelajar belajar dengan selesa malah lebih selesa dari rumah kita.

Segala kemudahan yang disediakan ini hendaklah dihargai dan disayangi. Kita hendaklah mengikut segala peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Kemudahan kemudahan ini adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk menjaganya terutamanya dari sudut kebersihan dan menjauhi perbuatan vandalisme. Ini amat penting untuk memiliki iklim pembelajaran yang sempurna dan menjadikan kita pelajar berjaya.

Hadirin Sekalian

Guru – guru di sekolah boleh kita katakan sama seperti ibubapa kita di rumah. Bukan sahaja mendidik malah menegur dan menasihati kita tanpa jemu setiap masa. Mereka adalah amat baik hati dan berdedikasi dalam menunaikan tanggungjawabnya terhadap anak bangsa. Bertuahnya kita memiliki ramai ibubapa yang sering kali meluangkan masa bergurau senda dan sudi membantu semasa pelajarannya dalam kesulitan.

Baik ibubapa di rumah mahupun guru di sekolah, harapan mereka kepada kita tetap sama. Mereka ingin melihat kecemerlangan dan kejayaan tanpa balasan wang ringgit jauh sekali inginkan kemewahan daripada kejayaan kita. Bagi merealisasikan harapan dan impian mereka kita perlu bermula dengan menjadikan sekolah sebagai rumah kediaman yang terbaik dan sebagai batu loncatan untuk merangkul kejayaan. Sebagai pelajar, kita perlu menanamkan kata – kata "Sekolahku Rumahku" demi masa depan yang gemilang.

Sekian Terima Kasih.

This document was created with Win2PDF available at <http://www.win2pdf.com>.  
The unregistered version of Win2PDF is for evaluation or non-commercial use only.  
This page will not be added after purchasing Win2PDF.